

# Parlimen boleh bersidang dalam tempoh darurat

Seri Paduka bakal tentu tarikh sesuai atas nasihat PM

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah bahawa Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat berkuat kuasa pada suatu tarikh yang difikirkan sesuai oleh baginda atas nasihat Perdana Menteri.

Istana Negara dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan perkara itu termaktub dalam sub perenggan 14 (1)(b) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang menyatakan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil, diprorog dan dibubarkan pada suatu tarikh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Seri Paduka atas nasihat Perdana Menteri.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, dalam kenyataan semalam, berkata Yang di-Pertuan Agong semalam berkenan menerima menghadap Speaker Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim dan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun, di Istana Negara.



Seri Paduka berkenan menerima menghadap Rais (kiri) dan Azhar di Istana Negara, semalam.  
(Foto ihsan Istana Negara)

“Dalam sesi menghadap ini, Seri Paduka Baginda telah menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang berteraskan prinsip Keluhuran Perlembagaan, setiap cabang pentadbiran negara, sama ada pihak eksekutif, kehakiman mahupun Parlimen haruslah sentiasa akur kepada prinsip itu.

“Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda menzahirkan pandangan bahawa Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat berkuat kuasa pada suatu tarikh yang difikirkan sesuai oleh Seri Paduka Baginda atas nasihat Perdana Menteri,” katanya dalam kenyataan berkenaan.

Sehubungan itu, Ahmad Fadil

berkata, tanggapan sesetengah pihak bahawa pelaksanaan proklamasi darurat menghalang Parlimen untuk bersidang adalah tidak tepat.

Katanya, perkenan Seri Paduka atas nasihat Perdana Menteri mengenai pengisytiharan Proklamasi Darurat pada 12 Januari lalu adalah semata-mata sebagai langkah proaktif untuk membendung penularan COVID-19 yang meragut lebih 1,000 nyawa setakat ini.

“Dalam sesi menghadap, Seri Paduka juga mengambil maklum atas hal-hal sampingan berkaitan budaya, warisan dan etika tataperlakuan Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa melunaskan tanggungjawab berbahas dan ber-

tindak agar sentiasa bersifat mulia dan dipandang tinggi,” katanya.

Mengenai perkembangan terkini wabak COVID-19, Ahmad Fadil berkata, Seri Paduka mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi kerajaan yang berkaitan.

Katanya, penghargaan baginda itu susulan usaha merealisasikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula semalam dan dijangka mengambil masa hingga beberapa bulan.

“Seri Paduka turut mengajak rakyat untuk bersama baginda mendoakan semoga negara ini sentiasa dilindungi dan bebas dari wabak ini dengan segera,” katanya.

Pengisytiharan darurat bagi menangani ancaman COVID-19 yang berkuat kuasa 11 Januari lalu hingga 1 Ogos depan, diwartakan dan disiarkan di laman web rasmi Pejabat Peguam Negara. Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 12 Januari lalu dikeluarkan Perdana Menteri dengan titah perintah Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka memberi perkenan tempoh pelaksanaan darurat sehingga 1 Ogos atau suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.